



UCAPAN PENUTUP

KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT

**SEMINAR KEBANGSAAN "PERANAN MAKPEM DALAM PEMBANGUNAN
NEGARA – PERTUBUHAN SUKARELA KEBAJIKAN SEBAGAI RAKAN
STRATEGIK JABATAN"**

9 OKTOBER 2015 (JUMAAT)

HOTEL ROYALE CHULAN, KUALA LUMPUR

Bismillahirahmanirrahim

Yang berusaha Pengerusi Majlis,

YH Dato' Setia Amar Segara Dato' Sri Haji Halim bin Hj.
Ibrahim, Presiden MAKPEM,

YBhg Datin Paduka Khatijah bt Suleiman, Timbalan
Presiden MAKPEM

****masih menunggu senarai salutation daripada MAKPEM**

Hadirin dan Hadirat yang Dihormati Sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, rasa syukur saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita

bersama di Majlis Penutup Seminar Kebangsaan “Peranan MAKPEM dalam Pembangunan Negara – Pertubuhan Sukarela Kebajikan sebagai Rakan Strategik Kerajaan”.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada MAKPEM atas jemputan ke Seminar ini. Saya berasa amat berbangga dengan pencapaian MAKPEM yang berjaya menganjurkan seminar peringkat kebangsaan sejak tahun 2004 dan lebih membanggakan lagi, MAKPEM telah mengekalkan kerjasama yang cemerlang dengan JKM sejak

awal lagi dan merupakan penyelaras kepada 45 buah PSK peringkat antarabangsa yang mempunyai ahli gabungan lebih daripada 350 PSK di peringkat akar umbi.

JKM telah mengiktiraf PSK sebagai rakan strategik dalam menyedia dan menyampaikan perkhidmatan kepada kumpulan sasar JKM. JKM dan PSK berganding bahu dalam usaha memastikan kumpulan sasar menikmati kehidupan yang lebih sejahtera. Sebagai rakan strategik, kedua-dua

belah pihak perlu untuk mencapai kata sepakat dalam mencapai matlamat yang telah digariskan bersama.

Sebagai tanda sokongan kepada PSK yang memberi sumbangan kepada kesejahteraan rakyat, JKM meluluskan Bantuan Kewangan Kerajaan Kepada PSK bagi menampung sebahagian kos yang ditanggung oleh PSK dalam menyediakan perkhidmatan kepada kumpulan sasar.

Bagi tahun 2015, sejumlah 243 PSK telah menerima bantuan kewangan berjumlah RM27,050,326.00 yang memberi manfaat kepada seramai 11,209 orang kumpulan sasar JKM yang terdiri daripada Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, kanak-kanak dan lain-lain. Bantuan kewangan yang diberikan adalah bagi membiayai kos operasi PSK iaitu pentadbiran, makan minum penghuni, saguhati untuk pekerja dan elaun khas murid OKU.

KPWKM melalui JKM juga menyediakan peruntukan bagi PSK untuk membiayai program-program bagi kumpulan sasar seperti kursus kemahiran, program pembangunan kanak-kanak dan pemulihan OKU melalui Bantuan Khas Perpendaharaan. Bagi tahun 2015, JKM telah mengagihkan sebanyak RM846,075.00 kepada 19 buah PSK untuk menjalankan sebanyak 82 program. Peruntukan ini telah memberi manfaat kepada seramai 5,572 orang kumpulan sasar JKM yang terdiri daripada kanak-kanak, warga emas, OKU dan ahli komuniti yang memerlukan.

Dengan pemberian bantuan geran tersebut, Jabatan bertanggungjawab memastikan perkhidmatan yang disediakan PSK dapat memenuhi harapan atau ekspektasi “stake holders”.

Hadirin sekalian,

Dengan adanya Dasar Sosial Negara sebagai dasar payung pembangunan sosial negara, peranan JKM semakin

bertambah. Pembangunan dan kebijakan masyarakat tidak lagi boleh dilihat sebagai tanggungjawab kerajaan. Kami di JKM berpegang teguh kepada komitmen untuk menggalakkan masyarakat, ahli komuniti untuk mewujudkan sinergi yang diperlukan dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut. Tidak dinafikan, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan PSK merupakan rakan strategik dalam menyokong dan pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti untuk manfaat kumpulan sasar Jabatan.

Hadiran sekalian,

Selama sehari, pihak MAKPEM menganjurkan Seminar Kebangsaan “Peranan MAKPEM dalam Pembangunan Negara – Pertubuhan Sukarela Kebajikan sebagai Rakan Strategik Kerajaan”. Saya percaya seminar ini amat baik dan menarik sekali kerana ia melibatkan ahli-ahli gabungan PSK, PSK lain, ‘stakeholders’ pekerja sosial dan para akademik.

Saya juga yakin platform hari ini menyumbang ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan kepada kelompok masyarakat yang kurang bernasib baik. Ia merupakan satu usaha murni ke arah merancakkan lagi aspirasi Kerajaan bagi mewujudkan hubungan yang saling melengkapi antara PSK dan Kerajaan. Sesungguhnya, sumbangan input dan maklumat yang dikongsikan melalui seminar ini adalah sesuatu yang terpuji dan disokong penuh oleh Jabatan.

Dengan lafaz Bismillahirahmanirrahim, saya dengan sukacitanya menutup Seminar “Peranan MAKPEM Dalam Pembangunan Negara – Pertubuhan Sukarela Kebajikan Sebagai Rakan Strategik Kerajaan” pada petang ini.

Sekian, Wabilahi Taufik Wal Hidayah, Wassalam Mualaikum
Raroh Matullah Hi Wabarakatuh.